

## ABSTRAK

Kajian ini adalah soal selidik tentang penggunaan mod-mod pembelajaran dan mengukur satu sampel yang terdiri daripada 96 orang pelajar pendidikan jarak jauh (PJJ) yang mengikuti program kejuruteraan elektrik di METEOR Distance Learning Sdn. Bhd.

Kajian ini meninjau mod-mod pembelajaran yang digunakan sebelum dan semasa mengikuti program ini. Mod-mod yang diberi tumpuan ialah pertemuan bersemuka, modul, sidang video, mel elektronik dan papan perbincangan Internet. Mod yang paling digemari, selesa digunakan, seronok, berkesan, memberi konfiden dan tidak menjemu juga dikaji. Selain itu, kekerapan menggunakan satu-satu mod pembelajaran serta faktor-faktor pendorong dan penghalang dalam penggunaan mod pembelajaran turut ditinjau. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mod yang paling digemari, tidak menjemu dan paling berkesan ialah mod sidang video dan pertemuan bersemuka. Walau bagaimanapun tempoh masa yang diperuntukkan untuk kedua-dua mod ini perlu dipanjangkan dan sesi sidang video sering tidak bermula pada masa yang ditetapkan. Hasil kajian juga menunjukkan pelajar tidak konfiden menggunakan mod-mod mel elektronik dan papan perbincangan Internet kerana tidak dapat menguasai penggunaannya. Selain itu, ketiadaan galakkan atau kerjasama dari pensyarah turut menyebabkan mod-mod ini tidak popular di kalangan pelajar. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa modul yang disediakan tidak interaktif dan menarik menyebabkan pelajar kurang gemar menggunakanannya. Kajian ini mencerminkan keperluan institusi-institusi PJJ mengatasi kelemahan-kelemahan dalam penggunaan mod-mod pembelajaran sebelum menawarkan sesuatu program. Institusi-institusi PJJ juga perlu mengambil langkah ke arah

menyediakan pelajar supaya arif menggunakan mod-mod yang berteknologi tinggi agar dapat memperoleh ganjarannya secara optima.

## ABSTRACT

### A Research On The Usage Of Study Modes Among Distance Education Students

This research is based on the usage of study modes among distance education students. The study involved 96 students pursuing an electrical engineering distance education program with the METEOR Distance Learning Sdn. Bhd. The aim of the research is to investigate the various modes used by the students which includes face-to-face component, video conferencing, electronic mail, and Internet discussion boards. The mode which is most popular, comfortable, enjoyable, effective, confidence inspiring and least boring was also investigated. Furthermore the frequency in using a particular mode, factors that encouraged and discouraged a student to use a mode was also studied. The findings of the research showed that the most popular mode, not to mention least boring and effective, turned out to be the video conferencing and face-to-face component. However, the time allocated for these two modes of study was found to be inadequate and has to increased. The study revealed that the video conferencing sessions never began on time which in itself was an inconvenience to the students. The study also revealed that students were not confident in using electronic mail and Internet discussion boards simply because they could not master the technology. Apart from this, the lack of encouragement on the part of lecturers also proved to be an obstacle in the usage of the these study modes. The findings of the research also show that modules provided are not interactive and interesting, thus making students less than happy about using them. This research shows that there is an urgent need for distance learning institutions to resolve the

weaknesses associated with the study modes revealed in the research. Distance learning institutions must also ensure that students enrolling for their programmes are familiar with the technology used so as to acquire optimum benefits.